

## UMT diiktiraf kelompok 251-300 universiti terbaik dunia

Nurfardlina Izzati Moktar

Sinar Harian

20 Mei 2024 04:06pm



*Universiti Malaysia Terengganu - Foto fail Bernama*

KUALA NERUS - [**DIKEMAS KINI**] Universiti Malaysia Terengganu (UMT) diiktiraf sebagai universiti yang berada dalam kelompok 251-300 terbaik dunia oleh Times Higher Education Young University Rankings 2024 berbanding kedudukan 401-500, tahun lepas.

Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UMT, Profesor Ts Dr Mohd Zamri Ibrahim yang menjalan tugas Naib Canselor UMT, turut menzahirkan rasa bangga atas kejayaan UMT yang menyertai kelompok tujuh universiti terbaik di Malaysia atau keempat dalam kalangan universiti awam.